

PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP DASAR PEMBERIAN BANTUAN PENDIDIKAN BERDASARKAN PENDAPATAN KELUARGA

STUDENTS' PERCEPTIONS OF FINANCIAL EDUCATION ASSISTANCE POLICY BASED ON HOUSEHOLD INCOME

Fidlizan Muhammad^{1*}

Azila Abdul Razak²

Muhammad Adam Roslan³

Mohd Yahya Mohd Hussin⁴

Muhammad Hasbi Abdul Rahman⁵

Salwa Amirah Awang⁶

¹ Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Email: fidlizan@fpe.upsi.edu.my

² Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Email: azila@fpe.upsi.edu.my

³ Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Email: fidlialwa@gmail.com

⁴ Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Email: yahya@fpe.upsi.edu.my

⁵ Jabatan Ekonomi, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

⁶ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Stesen, Perak.
Email: salwa@psas.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Muhammad, F., Abdul Razak, A., Roslan, M. A., Mohd Hussin, M. Y., Abdul Rahman, M. H., & Awang, S. A. (2026). Persepsi mahasiswa terhadap dasar pemberian bantuan pendidikan berdasarkan pendapatan keluarga. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 523 – 534.

Abstrak: Dalam mendepani isu peningkatan kos sara hidup dan yuran pendidikan, organisasi pembiaya atau penaja sering menggunakan indikator pendapatan B40, M40, dan T20 sebagai pengukur kelayakan bantuan pengajian. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi mahasiswa terhadap dasar bantuan pelajar berasaskan pendapatan keluarga yang dilaksanakan di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan soal selidik yang melibatkan seramai 370 orang mahasiswa daripada institusi pengajian tinggi. Empat pemboleh ubah bebas utama dikaji, iaitu keadilan sosial, implikasi sosial, keadilan agihan, dan ketelusan dasar, bagi menganalisis pengaruhnya terhadap penerimaan amalan dasar bantuan pendidikan ini. Hasil ujian kebolehpercayaan melebihi 0.89 bagi semua konstruk, menunjukkan tahap konsistensi instrumen yang tinggi. Keputusan model analisis regresi linear berganda mendapati model mempunyai kuasa penjelasan yang tinggi ($R^2 = 0.823$). Analisis pengaruh menunjukkan pemboleh ubah ketelusan dasar merupakan

faktor paling dominan ($B = 0.586, p < 0.05$), diikuti oleh keadilan agihan dan keadilan sosial. Kajian ini merumuskan bahawa mahasiswa sangat menitikberatkan elemen integriti, ketelusan proses pemilihan, dan keadilan dalam agihan berbanding hanya kesan sosial semata-mata. Pihak berkepentingan disarankan untuk menyemak semula kriteria kelayakan agar lebih anjal dengan realiti kos sara hidup serta memperkasakan ketelusan pemakluman awam

Kata Kunci: Persepsi, Dasar Bantuan Pendidikan, Keadilan Sosial, Keadilan Agihan, Ketelusan Dasar, Pendapatan Keluarga

Abstract: In addressing the issue of rising living costs and educational fees, funding and sponsoring organizations often utilize B40, M40, and T20 household income brackets as eligibility benchmarks for financial study assistance. Accordingly, this study aims to examine higher education students' perceptions of family income-based student aid policies implemented in Malaysia. Employing a quantitative approach via a questionnaire survey, the study involved 370 students from higher education institutions. Four main independent variables, social justice, social implications, distributive justice, and policy transparency, were examined to analyze their influence on the acceptance of these education aid policy practices. Reliability test results exceeded 0.89 for all constructs, demonstrating a high level of instrument consistency. Multiple linear regression analysis revealed high explanatory power for the model ($R^2 = 0.823$). Influence analysis showed that policy transparency was the most dominant predictor ($\beta = 0.586, p < 0.05$), followed by distributive justice and social justice. The study concludes that students place significant emphasis on integrity, selection process transparency, and fairness in distribution rather than social implications alone. Stakeholders are advised to review eligibility criteria to ensure greater flexibility relative to cost-of-living realities and to enhance public transparency in policy communication.

Keywords: Perception, Education Aid Policy, Social Justice, Distributive Justice, Policy Transparency, Household Income

Pengenalan

Pendidikan tinggi merupakan tonggak utama dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti serta memperkukuh daya saing negara pada peringkat global. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara membangun, akses kepada pendidikan tinggi yang inklusif dan saksama menjadi keutamaan strategik bagi memastikan setiap lapisan masyarakat berpeluang menyumbang kepada pembangunan negara. Sehubungan itu, pihak kerajaan dan swasta telah melaksanakan pelbagai dasar bantuan kewangan kepada mahasiswa, meliputi biasiswa, dermasiswa, dan pinjaman pendidikan. Dasar-dasar ini lazimnya dilaksanakan berpanduan kepada pendapatan isi rumah (B40, M40, T20) sebagai kriteria utama kelayakan.

Walaupun pendekatan ini bertujuan menjamin keadilan sosial, pelaksanaannya sering menimbulkan pelbagai persepsi dan perdebatan dalam masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan isu ketelusan, keadilan agihan, dan konsistensi dasar. Mahasiswa daripada keluarga kategori M40 atau T20 yang menunjukkan kecemerlangan akademik, sebagai contoh, kadang kala berdepan dengan situasi terpinggir daripada kelayakan bantuan walaupun mereka turut berdepan dengan kekangan kos sara hidup yang mendesak. Situasi ini menimbulkan persoalan sama ada indikator pendapatan kasar keluarga semata-mata memadai bagi menterjemah "keperluan sebenar" mahasiswa.

Strategi penyediaan bantuan pelajaran merupakan rangka kerja dan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan mahasiswa. Mansor et al. (2022) menyatakan bahawa matlamat utama bantuan ini adalah memperluas akses pendidikan. Walau bagaimanapun, kelayakan pemberian dan keutamaan yang secara lazimnya tertumpu kepada kumpulan B40 sering mencetuskan perdebatan dalam kalangan kelompok pertengahan (M40) dan kumpulan atas (T20) (Mahdzan et al. 2020). Mohammad Zuhairie (2021) mendapati penetapan perbezaan sosio ekonomi membentuk persepsi yang berbeza antara kumpulan pendapatan dengan kumpulan keluarga berpendapatan rendah menjustifikasi inisiatif berkaitan sebagai hak kelangsungan akademik, manakala kelas pertengahan dan kelas atas melihat wujudnya elemen keciciran bersistematik.

Hal ini didorong oleh tanggapan individu yang cenderung menilai tahap keadilan dengan membandingkan nisbah input (seperti kelayakan, kecemerlangan, kos bebanan) dengan output (bantuan kewangan yang diterima). Dalam konteks pendidikan, ketidakseimbangan antara input dan output ini menimbulkan rasa tidak hati sekiranya keluarga dan mahasiswa yang cemerlang merasakan usaha dan hasil mereka tidak sejajar atau tidak mendapat keadilan dalam polisi pengagihan dana. Hal ini diakui beberapa kajian lepas yang mendapati mahasiswa daripada keluarga M40 dan T20 kadangkala mengalami bebanan yang serupa dengan mahasiswa B40 akibat perbezaan kos mengikut lokaliti pengajian (Abu Bakar et al., 2022; Awien Azuyien & Suraiya, 2023). Sehubungan itu, keadilan dalam agihan (distributive justice) amat kritikal dalam memastikan dasar yang dilaksana diterima dengan saksama oleh semua pihak.

Rentetan itu, selain keadilan agihan, elemen ketelusan (transparency) menjadi tunjang kepada kredibiliti dan kejayaan sesebuah dasar. Berdasarkan Teori Kepercayaan Institusi, kepercayaan institusi untuk beroperasi dengan penuh integriti dan keterbukaan (Mayer et al., 1995) amat mempengaruhi penerimaan awam terhadap pelaksanaan dasar. Ketelusan dalam prosedur, pemakluman kriteria pemilihan, dan alasan penolakan secara jelas membantu merasionalkan sesuatu keputusan pada pandangan mahasiswa dan keluarga mahasiswa. Apabila mahasiswa memahami struktur dasar tersebut dan melihatnya dilaksana tanpa prejudis, tahap penerimaan mereka akan meningkat secara drastik.

Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara empirikal tahap persepsi mahasiswa melibatkan pengaruh empat pemboleh ubah iaitu keadilan sosial, implikasi sosial, keadilan agihan, dan ketelusan dasar, terhadap penerimaan dasar bantuan mahasiswa secara keseluruhan. Kefahaman yang jelas terhadap persepsi mahasiswa ini adalah kritikal dalam membantu pihak pembuat dasar dan penyedia dana pendidikan untuk meneliti dan merekonstruksi dasar penajaan pendidikan agar terus relevan dan inklusif.

Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa persepsi mahasiswa terhadap dasar bantuan pendidikan amat dipengaruhi oleh interaksi pelbagai faktor, termasuk latar belakang sosioekonomi, tahap ketelusan sistem, tekanan kelangsungan hidup, dan kesan bantuan terhadap kesejahteraan sendiri. Walau bagaimanapun, wujud jurang literatur yang ketara dengan fokus perbincangan bantuan kewangan sering didominasi oleh isu atau faktor kemiskinan tegar, manakala realiti mahasiswa daripada kumpulan pendapatan pertengahan (M40) dan tinggi (T20) sering terpinggir daripada wacana dasar.

Perlu diakui bahawa kitaran kehidupan kampus kini menuntut komitmen kewangan yang semakin membebankan, di mana cabaran ini secara langsung menguji keberkesanan prinsip keadilan sosial dalam memastikan kelangsungan akses pendidikan untuk semua kelompok pendapatan. Kajian Razak et al. (2025) ke atas 480 orang mahasiswa mendedahkan bahawa perbelanjaan makanan dan penginapan merupakan komponen kos terbesar yang memacu tekanan kewangan mahasiswa. Latar belakang pengajian juga menyumbang kepada variasi kos; sebagai contoh, mahasiswa fakulti perakaunan menanggung perbelanjaan lebih tinggi bagi mendapatkan bahan rujukan akademik. Senario ini memberi indikasi yang jelas tentang keperluan keadilan agihan yang saksama, di mana mekanisme pengagihan dana sepatutnya bersifat anjal dan mengambil kira variasi keperluan spesifik mahasiswa, dan bukan sekadar agihan seragam.

Selain itu, wujud kos terselindung seperti bebanan pengangkutan, ketidakcukupan makanan, dan tanggungjawab kewangan keluarga yang sering kali mencetuskan implikasi sosial dan psikososial yang membimbangkan dalam kalangan mahasiswa. Walaupun mahasiswa cuba beradaptasi melalui kerja sambilan atau perniagaan kecil, pendapatan ini didapati gagal menampung keperluan secara holistik dan akhirnya mengganggu kelestarian fokus akademik mereka. Keadaan terdesak ini disokong oleh Shafinar et al. (2021), yang mendapati peningkatan kos pendidikan memaksa graduan bergantung tinggi kepada pinjaman berskala besar untuk terus bertahan. Kebergantungan ini bukan sahaja mendedahkan mereka kepada risiko beban hutang jangka panjang, malah menuntut ketelusan dasar yang tinggi; di mana pihak kerajaan mahupun institusi kewangan perlu memastikan setiap prosedur permohonan, terma faedah, dan kriteria kelayakan disalurkan secara jelas agar mahasiswa tidak terperangkap dalam kemelut hutang yang menjejaskan masa depan mereka.

Tekanan kewangan bukan sekadar isu defisit monetari, tetapi merupakan penentu kritikal kepada kesejahteraan kognitif dan emosi mahasiswa. Analisis empirikal oleh Norazlan et al. (2020) membuktikan wujud korelasi yang signifikan di antara tekanan kewangan dengan kemerosotan pencapaian akademik. Dapatan ini sejajar dengan gagasan Dang dan Bulus (2015), yang menegaskan bahawa ketiadaan jaringan keselamatan kewangan membawa kepada kesan domino terhadap kemerosotan kesihatan fizikal, kecelaruan emosi, dan penurunan motivasi belajar. Lebih teruk lagi, krisis kewangan memaksa mahasiswa melebihi masa bekerja sambilan berbanding penglibatan dalam aktiviti akademik, lantas merencatkan potensi pembangunan sendiri mereka secara menyeluruh. Kesejahteraan psikososial yang terjejas ini (kecewa, murung, tertekan) akhirnya mencerminkan kegagalan dasar sedia ada untuk menanamkan (buffer) kerentanan mahasiswa (Abu Bakar et al. 2022).

Sorotan literatur turut mengesahkan bahawa tahap tekanan kewangan sangat dipengaruhi oleh kelas pendapatan keluarga. Kajian Awien Azuyien & Suraiya (2023) menonjolkan satu dapatan yang kritikal; bukan sahaja mahasiswa B40, malah kumpulan M40 turut menghadapi tahap tekanan kewangan yang jauh lebih tinggi berbanding kelompok T20. Dapatan ini disokong oleh Norain et al. (2017), yang mendapati mahasiswa B40 dan M40 menilai dasar bantuan kerajaan secara kritikal kerana jumlah pembiayaan seperti PTPTN dilihat statik dan tidak anjal terhadap peningkatan inflasi. Kadar bantuan yang diterima sering kali dianggap sekadar mencukupi bagi kelangsungan minimum, tetapi gagal memenuhi keperluan kelengkapan pendidikan sebenar. Justeru, dasar sedia ada perlu distrukturkan semula agar lebih responsif terhadap realiti 'pendapatan boleh guna' isi rumah, khususnya buat kumpulan menengah (M40) yang sering terhimpit oleh syarat kelayakan bantuan yang ketat.

Persepsi mahasiswa terhadap keabsahan sesebuah dasar turut dibentuk oleh keupayaan literasi kewangan dan mekanisme agihan itu sendiri. Abu Bakar et al. (2022) dan Awien Azuyien dan Suraiya (2023) secara konsisten merumuskan bahawa kelemahan dalam literasi kewangan peribadi memburukkan lagi impak kekurangan dana. Mahasiswa yang gagal menguruskan kewangan cenderung menghadapi masalah terputus bekalan makanan walaupun menerima bantuan. Dari sudut keadilan agihan, Sakinatul Raadiyah et al. (2025) membuktikan bahawa sokongan kewangan yang telus dan bersasar (seperti agihan zakat) mampu meningkatkan motivasi intrinsik penerima. Bantuan yang holistik—menggabungkan elemen kewangan dan bimbingan psikososial—membina keyakinan dan persepsi positif mahasiswa terhadap dasar institusi.

Selain itu, instrumen sokongan seperti pinjaman perlu dilihat dari sudut moraliti dan kesedaran sivik. Kajian Zolkeplee et al. (2018) ke atas 359 mahasiswa menemui bahawa persepsi terhadap pembayaran balik pinjaman pendidikan sangat didorong oleh elemen religiositi dan didikan ibu bapa, melangkaui rasional kewangan semata-mata. Ini menuntut pihak pembuat dasar untuk merangka pendekatan yang menyeluruh, merangkumi aspek ketelusan taklimat faedah pinjaman (Shafinar et al., 2021) sehinggalah kepada penerapan nilai kebertanggungjawaban.

Sorotan literatur lepas secara jelas membuktikan bahawa wacana penyelidikan terdahulu masih memberikan tumpuan asimetri terhadap aspek kemampuan kewangan objektif yang menumpukan mahasiswa B40 secara eksklusif. Sebaliknya, masih wujud lompang empirikal untuk menilai secara perbandingan bagaimana mahasiswa merentas pelbagai kelas pendapatan (B40, M40, dan T20) mentafsir keadilan dan ketelusan sesebuah dasar secara serentak. Kajian ini dibina untuk mengisi kelompangan tersebut; dengan menganalisis silang-hubungan di antara persepsi keadilan dasar, tahap kebergantungan kewangan, implikasi sosial, dan peranan dasar kewangan negara dalam menyokong kelestarian pendidikan tinggi di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Sampel kajian melibatkan mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Pemilihan responden bagi kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah (simple random sampling). Melalui kaedah ini, setiap mahasiswa mempunyai peluang yang sama rata untuk dipilih sebagai responden, sekaligus mengurangkan bias dalam pengumpulan data. Sehubungan itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada 400 orang prospek responden. Daripada jumlah tersebut, seramai 370 orang responden telah menjawab instrumen soal selidik dengan lengkap, mencatatkan kadar maklum balas yang tinggi iaitu sebanyak 92.5 peratus. Saiz sampel seramai 370 orang ini adalah sangat memadai dan melepasi penanda aras penentuan saiz sampel berdasarkan saiz populasi yang lazim digunakan dalam penyelidikan sains sosial. Bilangan sampel digunakan adalah mencukupi berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) yang menyatakan bahawa bagi populasi yang besar, saiz sampel melebihi 350 responden adalah memadai untuk menghasilkan inferens statistik yang boleh dipercayai.

Instrumen kajian utama merupakan borang soal selidik berstruktur yang dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian A mengumpulkan profil demografi dan latar belakang kewangan responden, manakala bahagian-bahagian seterusnya dibangunkan untuk mengukur empat pemboleh ubah bebas (Keadilan Sosial, Implikasi Sosial, Keadilan Agihan, dan Ketelusan Dasar) serta pemboleh ubah bersandar (Penerimaan Dasar). Kesemua item pemboleh ubah kajian diukur menggunakan Skala Likert lima mata, bermula daripada aras 1 (Sangat Tidak

Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Pengumpulan data dilaksanakan secara hibrid, menggabungkan edaran secara bersemuka dan secara dalam talian menggunakan platform *Google Form* bagi memaksimumkan capaian responden. Setiap penyertaan adalah secara sukarela dan kerahsiaan identiti responden dijamin sepenuhnya.

Analisis statistik deskriptif, merangkumi kekerapan dan peratusan digunakan untuk membentangkan taburan profil demografi responden. Bagi mengukur kesahan dan ketekalan dalaman instrumen, ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach telah dilaksanakan ke atas semua konstruk. Selanjutnya, bagi menjawab objektif utama kajian, analisis statistik inferensi iaitu Ujian Regresi digunakan untuk menganalisis hubungan dan faktor pengaruh pemboleh ubah bebas ke atas persepsi penerimaan mahasiswa terhadap dasar bantuan. Ujian diagnostik multikolineariti (seperti nilai *Tolerance* dan VIF) turut dilaporkan bagi memastikan data menepati andaian asas regresi parametrik sebelum kesimpulan dibuat.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Analisis berkaitan kebolehpercayaan instrumen kajian ditunjukkan dalam Jadual 1. Ujian kebolehpercayaan dilakukan bagi mengukur ketekalan dalaman instrumen kajian. Berdasarkan Jadual 1, kesemua konstruk mempunyai nilai Alpha Cronbach melebihi aras ambang 0.70. Nilai yang diperoleh adalah di antara 0.896 hingga 0.964, yang menunjukkan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan dan konsistensi yang tinggi.

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan Instrumen

Bil.	Pemboleh Ubah	Nilai Alpha	Bilangan Item
1	Keadilan Sosial	0.896	6
2	Implikasi Sosial	0.964	5
3	Keadilan Agihan	0.932	5
4	Ketelusan Dasar	0.962	5
5	Penerimaan Dasar Bantuan	0.958	5

Sumber: Analisis Instrumen Soal Selidik

Analisis deskriptif berkaitan profil responden ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Profil Responden

Maklumat	Keterangan	Bilangan (%)
Jantina	Lelaki	215 (58.1)
	Perempuan	155 (41.9)
Tahun Pengajian	Tahun 1	20 (5.4)
	Tahun 2	88 (23.8)
	Tahun 3	138 (37.3)
	Tahun 4	109 (29.5)
	Tahun 5	15 (4)
Kumpulan Pendapatan Keluarga	B40	111 (30)
	M40	237 (64.2)
	T20	22 (5.9)
Maklumat Kewangan Pengajian	Biasiswa	264 (71.4)
	Pinjaman	76 (20.5)
	Ibu bapa	30 (8.1)

Maklumat	permohonan berjaya, diluluskan	309 (83.5)
Permohonan	sepenuhnya	
Pinjaman/Pembiayaan	permohonan berjaya, diluluskan	22 (5.9)
Pengajian	untuk yuran pengajian sahaja	
	Permohonan tidak berjaya	20 (5.4)
	Tidak memohon	19 (5.1)

Sumber: Analisis Data Soal Selidik

Berdasarkan Jadual 2, seramai 370 orang responden dalam kalangan mahasiswa telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Dari segi taburan jantina, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada mahasiswa lelaki iaitu seramai 215 orang (58.1%), manakala baki 155 orang (41.9%) adalah mahasiswa perempuan. Analisis terhadap tahap pengajian pula mempamerkan taburan yang terarah kepada kelompok mahasiswa senior. Sebahagian besar responden merupakan mahasiswa Tahun 3 dengan 138 orang (37.3%) dan Tahun 4 seramai 109 orang (29.5%). Mahasiswa Tahun 2 mencatatkan seramai 88 orang (23.8%), manakala kumpulan minoriti terdiri daripada mahasiswa Tahun 1 (5.4%) dan Tahun 5 (4%). Penguasaan lebih 66% oleh kumpulan mahasiswa senior ini memberikan kelebihan analitikal yang kukuh kepada hasil kajian. Kematangan mereka melalui pelbagai fasa pengajian serta pengalaman mendepani cabaran kos sara hidup di kampus membolehkan mereka memberikan pandangan dan persepsi yang lebih kritis, realistik, serta tepat mengenai pelaksanaan dasar kewangan berbanding mahasiswa baharu.

Analisis latar belakang sosioekonomi melibatkan kategori pendapatan keluarga mendedahkan satu profil yang amat sejajar dengan fokus utama kajian. Majoriti besar responden didapati berasal daripada keluarga berpendapatan pertengahan (M40), mewakili seramai 237 orang (64.2%). Kumpulan berpendapatan rendah (B40) mencatatkan saiz kedua terbesar dengan 111 orang (30.0%), manakala kumpulan berpendapatan tinggi (T20) hanya terdiri daripada 22 orang (5.9%). Dominasi mahasiswa M40 dalam sampel ini memberikan justifikasi empirikal yang amat kuat terhadap jurang literatur (literature gap) yang dibincangkan sebelum ini. Ia membuktikan realiti bahawa penerima pembiayaan pendidikan di institusi pengajian tinggi kini bukan sahaja dipelopori oleh golongan miskin, malah melibatkan kelas pertengahan secara meluas. Keadaan ini mengukuhkan hujah bahawa sebarang penggubalan dasar bantuan tidak seharusnya meminggirkan realiti "kelas pertengahan yang terhimpit" (squeezed middle class), kerana golongan inilah yang paling terkesan dengan ketidakseimbangan kriteria keadilan agihan.

Kebergantungan mahasiswa terhadap jaringan keselamatan kewangan kerajaan dan institusi turut dibuktikan melalui analisis sumber pembiayaan pengajian utama. Sebanyak 71.4% (264 orang) bergantung sepenuhnya kepada biasiswa, manakala 20.5% (76 orang) bergantung kepada pinjaman pendidikan. Hanya segelintir kecil, iaitu 8.1% (30 orang), yang dibiayai menggunakan dana persendirian atau ibu bapa. Secara kumulatifnya, hampir 92% responden sangat bergantung kepada dasar sokongan pihak ketiga untuk meneruskan kelangsungan akademik mereka. Angka kebergantungan yang tinggi ini membawa implikasi bahawa sebarang ketidaktelusan prosedur atau kelewatan dalam proses pengagihan dana akan memberikan impak langsung yang sangat kritikal terhadap kestabilan emosi dan akademik sebahagian besar populasi mahasiswa.

Seterusnya, dapatan analisis terhadap status permohonan pinjaman atau pembiayaan pengajian menunjukkan senario akses kewangan yang sangat positif. Majoriti responden, iaitu seramai

309 orang (83.5%), menyatakan bahawa permohonan mereka berjaya dan diluluskan sepenuhnya. Hanya sebilangan kecil mencatatkan kelulusan untuk yuran pengajian sahaja (5.9%), tidak berjaya (5.4%), dan tidak memohon langsung (5.1%). Kadar kelulusan yang melepasi tahap 80% ini mendedahkan satu dimensi penemuan yang amat penting, di mana permasalahan utama kini bukanlah pada fasa 'akses' atau halangan untuk mendapatkan bantuan, kerana kebanyakan permohonan mereka berjaya. Sebaliknya, sejauh manakah mereka benar-benar menyedari wujudnya polisi bantuan yang secara khusus menetapkan kriteria atau menyasarkan kumpulan berpendapatan (B40, M40, T20) tertentu, dan sama ada mekanisme penetapan tersebut dapat diterima secara adil atau sebaliknya.

Keputusan regresi linear bagi menganalisis pengaruh pemboleh ubah kajian iaitu keadilan sosial, implikasi sosial, keadilan agihan, dan ketelusan dasar ditunjukkan dalam Jadual 3. Sebelum meneliti kesan setiap pemboleh ubah, ujian diagnostik menunjukkan bahawa model regresi ini mempunyai tahap kebolehppercayaan yang sangat baik. Nilai R-kuasa (R^2) mencatatkan bacaan 0.823. Hal ini membawa maksud bahawa 82.3 peratus daripada varians dalam penerimaan dasar bantuan dapat dijelaskan oleh gabungan keempat-empat pemboleh ubah bebas dalam model ini, manakala baki 17.7 peratus dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji. Tambahan pula, ujian andaian regresi membuktikan bahawa model ini bebas daripada masalah ralat multikolineariti yang serius, di mana nilai Tolerance (0.3025) berada di atas paras 0.1, dan nilai Variance Inflation Factor atau VIF (3.382) berada jauh di bawah paras ambang 10. Oleh itu, model ini didapati teguh dan sangat sesuai untuk digunakan bagi interpretasi parameter.

Jadual 3: Analisis Regresi

Pemboleh Ubah	Koefisien	Nilai ralat	Nilai-p
Konstan	0.361	0.112	0.001
Keadilan Sosial	0.099	0.035	0.005
Implikasi Sosial	0.049	0.039	0.210
Keadilan Agihan	0.193	0.039	0.000
Ketelusan Dasar	0.586	0.041	0.000

Ujian Diagnostik

$R^2 = 0.823$

Standard Error = 0.24041

Tolerance = 0.3025

VIF = 3.382

Berdasarkan nilai koefisien dan nilai-p, dapatan kajian merumuskan bahawa tiga daripada empat pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan ($p < 0.05$) terhadap penerimaan dasar bantuan. Ketelusan Dasar muncul sebagai peramal yang paling dominan dan terpenting dalam mempengaruhi pandangan mahasiswa, dengan nilai pekali tertinggi (koefisien = 0.586, $p = 0.000$). Penemuan ini sangat kritikal kerana ia membuktikan bahawa penerimaan mahasiswa terhadap polisi penetapan pendapatan keluarga ini amat bergantung kepada kelancaran dan ketelusan prosedur institusi. Mahasiswa cenderung menerima keabsahan dasar ini sekiranya kriteria pemilihan jelas, maklumat mudah diakses, dan pengumuman agihan dibuat tanpa unsur kekaburan. Penemuan ini selaras dengan Teori Kepercayaan Institusi (Institutional Trust Theory) yang dikemukakan oleh Mayer et al. (1995), yang menjelaskan bahawa kepercayaan terhadap sesebuah institusi dibentuk melalui integriti,

kebolehppercayaan dan ketelusan dalam proses membuat keputusan. Dalam konteks bantuan pendidikan, mahasiswa lebih cenderung menerima sesuatu dasar sekiranya mereka memahami rasional penetapan syarat kelayakan, proses penilaian permohonan dan justifikasi terhadap keputusan yang dibuat. Oleh itu, ketelusan bukan sahaja meningkatkan keyakinan terhadap institusi pemberi bantuan, malah mengurangkan persepsi diskriminasi dalam pengagihan bantuan

Faktor kedua terpenting adalah Keadilan Agihan (koefisien = 0.193, $p = 0.000$). Dapatan ini selari dengan isu realiti kos sara hidup mahasiswa yang dibincangkan sebelum ini. Ia menunjukkan bahawa tahap kepuasan mahasiswa sangat dipengaruhi oleh kesaksamaan nilai fizikal bantuan yang diterima. Sekiranya nilai tersebut berjaya meringankan beban dan menampung jurang perbelanjaan sebenar—khususnya bagi kumpulan M40 dan B40—maka tahap penerimaan mereka terhadap polisi institusi akan turut meningkat. Dapatan ini turut menyokong Teori Keadilan (Equity Theory) oleh Adams (1965) yang menegaskan bahawa individu akan menilai keadilan berdasarkan keseimbangan antara sumbangan yang diberikan dengan ganjaran yang diterima. Mahasiswa bukan sekadar menilai jumlah bantuan yang diterima, bahkan menilai sama ada mekanisme pengagihan tersebut mengambil kira keperluan sebenar mereka. Keadaan ini menjelaskan mengapa kumpulan M40 turut merasakan mereka layak dipertimbangkan dalam dasar bantuan pendidikan walaupun tidak tergolong dalam kategori berpendapatan rendah.

Turut mencatatkan impak yang positif adalah pemboleh ubah Keadilan Sosial (koefisien = 0.099, $p = 0.005$). Walaupun impaknya lebih kecil secara relatif, ia tetap signifikan bagi mengesahkan bahawa sentimen kesamarataan peluang dan matlamat menghapuskan keci ciran mahasiswa menyumbang kepada penerimaan polisi kewangan kerajaan ini. Penemuan ini juga konsisten dengan kajian Awien Azuyien dan Suraiya (2023) yang mendapati mahasiswa daripada kumpulan M40 turut mengalami tekanan kewangan yang signifikan akibat peningkatan kos sara hidup. Begitu juga Razak et al. (2025) yang melaporkan bahawa peningkatan kos makanan, penginapan dan keperluan akademik menyebabkan mahasiswa daripada pelbagai kategori pendapatan memerlukan bantuan kewangan yang lebih fleksibel. Justeru, dasar bantuan pendidikan yang terlalu bergantung kepada kategori pendapatan kasar keluarga berpotensi mengabaikan keperluan sebenar mahasiswa.

Walaupun implikasi sosial tidak menunjukkan hubungan yang signifikan, dapatan ini tidak bermaksud faktor sosial tidak penting. Sebaliknya, ia menggambarkan bahawa mahasiswa lebih menitikberatkan aspek tadbir urus dasar berbanding kesan sosial apabila menilai penerimaan terhadap sesuatu dasar bantuan. Keadaan ini menunjukkan bahawa elemen seperti ketelusan proses, keadilan pengagihan dan kejelasan syarat kelayakan menjadi pertimbangan utama dalam membentuk persepsi mahasiswa

Dapatan analisis secara keseluruhannya membawa satu naratif konklusif yang kukuh. Mahasiswa masa kini merupakan kelompok analitikal yang menilai sesebuah dasar institusi berdasarkan lensa pengurusan yang bersifat struktural dan prosedur material (seperti ketelusan sistem dan keadilan jumlah agihan), dan bukannya didorong oleh faktor emosi, status, mahupun implikasi sosial di kampus. Hal ini secara langsung menegaskan bahawa selagi mana agihan itu diuruskan secara telus dan diagihkan dengan nilai yang saksama mengikut keperluan sosioekonomi semasa, maka polisi sasaran kelompok berasaskan pendapatan (B40, M40, T20) ini akan terus diterima baik oleh mahasiswa.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneliti dinamika persepsi mahasiswa terhadap pelaksanaan dasar bantuan kewangan pendidikan berasaskan klasifikasi pendapatan keluarga (B40, M40, dan T20). Dapatan empirikal menunjukkan bahawa keperluan terhadap sokongan kewangan kini tidak lagi tertumpu kepada kumpulan B40 sahaja, malah meluas kepada kelompok M40 yang mewakili majoriti pemohon dan penerima bantuan dalam sampel ini (64.2%). Keadaan ini memberi indikasi bahawa mahasiswa merentas kelas pendapatan kini sama-sama menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup di kampus. Selanjutnya, dengan kadar kelulusan permohonan yang melepasi angka 80%, tahap kebolehcapaian mahasiswa terhadap sistem bantuan sedia ada didapati berada pada tahap yang amat memuaskan. Oleh hal yang demikian, fokus penambahbaikan dasar pada masa hadapan wajar diarahkan kepada penelitian terhadap kecukupan nilai bantuan yang disalurkan agar ia lebih selari dengan lonjakan perbelanjaan dan kos sara hidup sebenar pelajar.

Dari sudut penerimaan dasar pula, analisis regresi membuktikan bahawa tahap sokongan mahasiswa terhadap polisi ini sangat dipengaruhi oleh faktor struktur tadbir urus berbanding sentimen emosi. Pemboleh ubah ketelusan dasar muncul sebagai faktor yang paling dominan, diikuti oleh keadilan agihan dan keadilan sosial. Penemuan ini membawa naratif yang sangat jelas di mana mahasiswa masa kini merupakan golongan yang pragmatik dan analitikal. Mereka bersedia untuk menerima dan menyokong apa jua mekanisme penentuan kelayakan mahasiswa dapat menerima dasar yang menyasarkan kelas pendapatan ini dengan baik, dengan syarat proses pelaksanaannya telus dan nilai bantuan yang disalurkan adalah saksama serta relevan dengan cabaran kos sara hidup semasa.

Berdasarkan rumusan dapatan tersebut, beberapa cadangan strategik dikemukakan kepada pihak pembuat dasar, kementerian, dan pengurusan institusi pengajian tinggi. Sebagai langkah utama, pihak penaja dan kerajaan disarankan untuk menstrukturkan semula kriteria kelayakan dengan tidak lagi bergantung secara tegar kepada indikator 'Pendapatan Kasar Isi Rumah' semata-mata. Dasar sedia ada perlu disemak semula dengan mengadaptasi konsep 'Pendapatan Boleh Guna' (*disposable income*) yang mengambil kira bebanan kos sara hidup setempat, khususnya di zon urbanisasi, serta jumlah tanggungan sebenar keluarga. Kelonggaran ini amat penting bagi memastikan kelangsungan pendidikan pelajar kelompok menengah (M40) terjamin dan mengelakkan mereka daripada terus tercicir akibat syarat saringan yang kurang anjal.

Selain itu, mengambil kira bahawa ketelusan dasar adalah faktor peramal paling dominan, pihak pengurusan agensi bantuan pelajaran perlulah mempertingkatkan tahap keterbukaan sistem penyampaian dan pemakluman awam mereka. Segala maklumat berhubung kriteria pemilihan, proses penapisan, serta justifikasi di sebalik kelulusan atau penolakan permohonan perlu disalurkan secara jelas dan mudah diakses. Pembangunan sistem pengurusan rayuan yang responsif juga perlu diperkasakan untuk membina kembali tahap kepercayaan mahasiswa terhadap keabsahan institusi. Bagi memperkaya penulisan literatur pada masa hadapan, pengkaji lain dicadangkan untuk mempelbagaikan metodologi seperti penggunaan kaedah kualitatif bagi menyelami naratif dan rasional sebenar bebanan kumpulan M40, serta melaksanakan kajian perbandingan merentas mahasiswa institusi awam dan swasta secara lebih komprehensif. Walaupun kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, beberapa batasan perlu diambil perhatian. Pertama, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang hanya mengukur persepsi responden pada satu tempoh masa, sekali gus tidak dapat menjelaskan perubahan persepsi secara longitudinal. Kedua, majoriti responden

terdiri daripada mahasiswa kategori M40, menyebabkan dapatan mungkin kurang mewakili pandangan mahasiswa daripada kategori T20. Ketiga, kajian ini bergantung kepada data pelaporan sendiri (self-reported data) yang berpotensi dipengaruhi oleh bias persepsi responden. Oleh itu, dapatan kajian perlu ditafsirkan dengan mengambil kira batasan-batasan tersebut. Kajian akan datang disarankan menggunakan pendekatan kaedah campuran (mixed-methods) dengan menggabungkan soal selidik dan temu bual mendalam bagi memahami rasional sebenar persepsi mahasiswa terhadap dasar bantuan pendidikan. Selain itu, kajian longitudinal yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta perbandingan mengikut kategori pendapatan keluarga dijangka dapat menghasilkan dapatan yang lebih komprehensif.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong melalui dana Skim Geran Penyelidikan Komprehensif FPE 2025 (2025-0201-106-01). Terima kasih kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI atas inisiatif dana penyelidikan, dan kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi UPSI yang membantu dalam menguruskan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abu Bakar, N., Mod Asri, N., Laili, I. A., & Saad, S. (2022). Masalah Kewangan dan Tekanan dalam kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2). Retrieved from <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/224>
- Awien Azuyien, J. & Suraiya, I. (2023). Tekanan kewangan dan pengurusan tekanan kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi berasaskan status sosioekonomi. *Jurnal E-Bangi*, 20(4), 164-178. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.14>
- Dang, E. I., & Bulus, E. J. (2015). The Impact of Finance on The Academic Performance of Secondary School Students in Akwanga Local Government of Nassarawa State, Nigeria. *Journal of Social Sciences and Public Policy*, 7(2). 44-54.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mansor, M., Sabri, M. F., Mansur, M., Ithnin, M., Magli, A. S., Husniyah, A. R., Mahdzan, N. S., Othman, M. A., Zakaria, R. H., Mohd Satar, N., & Janor, H. (2022). Analysing the Predictors of Financial Stress and Financial Well-Being among the Bottom 40 Percent (B40) Households in Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(19), 12490. <https://doi.org/10.3390/ijerph191912490>
- Mahdzan, N. S., Zainudin, R., Abd Sukor, M. E., Zainir, F., & Wan Ahmad, W. M. (2020). An exploratory study of financial well-being among Malaysian households. *Journal of Asian Business and Economic Studies*, 27(3), 285-302. <https://doi.org/10.1108/>
- Mayer, R. C., Davis, J. H., & Schoorman, F. D. (1995). An Integrative Model of Organizational Trust. *The Academy of Management Review*, 20(3), 709-734. <https://doi.org/10.2307/258792>
- Mohammad Zuhairie, Z., Hway-Boon, O. & Choy-Yoke, C. (2021). Bridging household income gap: Malaysia. *Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship (JIBE)*, 6 (2), 9-15.
- Norain, M. A., Norlaila, A. B., Iman Athira, L. & Suhaila, S. (2017). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29, 63-83. <https://jpmjurnal.com/jpm/article/view/139>
- Norazlan, N., Yusuf, S., & Mohamed Hamoud Al-Majdhouf, F. (2020). The financial problems and academic performance among public university students in Malaysia. *The Asian*

- Journal of Professional & Business Studies*, 1(2), 1–6.
<https://doi.org/10.61688/ajpbs.v1i2.52>
- Razak, F. A., Paujah Ismail, N. R., & Ahmad, N. (2025). Financial challenges, expenditure patterns, and coping mechanisms among Malaysian undergraduates: A mixed-method analysis. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 6729-6740.
<https://doi.org/10.47772/ijriss.2025.909000551>
- Sakinatul Raadiyah Abdullah, Izatul Akmar Ismail, Nik Liyana Mustapa @ Nik Daud, Mohd Badrul Hakimi Daud, & Mohd Zaidulhair Elias. (2025). Ulasan Literatur Hubungan Antara Sokongan Zakat Pendidikan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar: Literature Review on the Relationship Between Educational Zakat Support Towards Students' Motivation and Academic Achievement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 318–336.
<https://doi.org/10.7187/GJATSII12025-19>
- Shafinar, I., Nur Atiqah, A. R., Sumayyah, S., Nor Shahrina, M.R., & Suzila, I. (2021). Determinants of borrowers' intentions on educational loan repayment in Malaysia: an empirical investigation, In: *E-Proceeding for Asian Conference on Business, Economics and Social Science (ACBESS) 2021*. Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Alor Gajah, p. 66
- Zolkeplee, S. Z., Hamed, A. B., & Ogunbado, A. F. (2018). Determinant Factors of Student's Perception Toward Educational Loan Repayment. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 15(1), 95–108. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v15i1.102>